

BENCANA BANJIR

Sukarelawan UMP Kilau hulur bantuan

PEKAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menggerakkan Misi Sukarelawan Banjir Pantai Timur bagi menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu pada Rabu.

Misi bantuan melibatkan 20 Sukarelawan UMP Kilau itu membawa bersama keperluan makanan, air minuman dan pakej makanan sedia dimakan menggunakan teknologi *retort* di bawah inisiatif *food@campus* (UMP Campus Pantry) dan Yayasan UMP dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Yuserrie Zainuddin berkata, pada peringkat pertama sebanyak 3,500 pek makanan sedia diedar dan akan diagihkan secara berperingkat.

Menurutnya, sumbangan itu bagi membantu mangsa banjir terutama membabitkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di kedua-dua negeri itu termasuk Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan IPT sekitarnya.

"Bermatlamatkan 'sifar kelaparan', kemudahan makanan teknologi *retort* atau penstrilan yang dihasilkan ini mampu bertahan lama tanpa menjejaskan struktur dan rasanya.

"Usaha ini sebagai persediaan bagi menyediakan makanan semasa kecemasan bagi membolehkan pelajar di sini mendapatkan makanan yang sihat dan sedia untuk dimakan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Beliau sebelum itu hadir melepaskan pasukan Sukarelawan UMP Kilau di pekarangan Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak, UMP kampus Pekan pada Rabu.

Yuserrie berkata, inisiatif itu hasil kerjasama UMP, Yayasan UMP dengan sokongan KPT bagi membolehkan pelajar yang terkesan banjir di dua negeri itu mendapat makanan yang dimasak.